

# PM nasihatkan rakyat jangan mudah kecewa

**KUALA PERLIS, Khamis** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan rakyat supaya jangan mudah kecewa jika tidak dapat sesuatu projek pembangunan yang diingini.

Katanya, rakyat seharusnya melipatgandakan usaha dengan menggunakan apa yang ada pada mereka untuk mencapai faedah sesuatu rancangan itu.

Perdana Menteri menasihatkan demikian kepada orang ramai yang berhimpun di Pangkalan Imigresen dan Kastam di sini untuk mengalu-alukan lawatan beliau ke pekan ini petang ini.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membawa pembangunan kepada sesuatu tempat, termasuk pekan Kuala Perlis.

"Yang menjadi masalah ialah wang kerana kadang-kadang kerajaan tidak mempunyai cukup wang untuk diagih-agihkan bagi pelaksanaan

sesuatu projek itu," tambahnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, rakyat Malaysia mempunyai banyak peluang menambah sumber pendapatan mereka asalkan mereka berusaha merebut peluang-peluang yang ada.

Katanya, sebagai contoh, kebolehan penduduk Kuala Perlis membuat laksa boleh diperluaskan ke lain-lain tempat seperti Kuala Lumpur bagi mendatangkan keuntungan kepada mereka.

## Faedah

"Terpujanglah kepada rakyat menggunakan sumber-sumber yang ada untuk menambah pendapatan mereka," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan bertanggungjawab terhadap rakyat, tetapi rakyat sendiri perlulah berusaha memperbaiki keadaan hidup mereka.

"Jangan tunggu orang memberi sesuatu pada kita sedangkan kita sendiri tidak tahu menggu-

nakannya," tambahnya.

Beliau menegaskan, selama ini kerajaan telah melaksanakan apa yang dicadangkan oleh rakyat dan mereka pula perlulah menerima dengan baik untuk menikmati faedahnya.

Menurutnya, setiap rakyat termasuk mereka dari kalangan pembangkang, perlu menerima nasihat yang baik kerana sikap demikian penting bagi kebaikan bersama.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, nilai-nilai baik perlu diterapkan dalam masyarakat untuk mendatangkan kebaikan pada mereka.

Beliau menyeru rakyat supaya terus memupuk perpaduan antara kaum dan juga antara parti komponen Barisan Nasional bagi mengekalkan suasana kehidupan yang damai.

Di pekan ini, Perdana Menteri dan rombongannya melawat Pulau Ketam dan kawasan sekitar Kuala Perlis dengan menaiki bot.